

PEMAKAIAN KONSEP WASIAT WAJIBAH DI MALAYSIA

Nurul Syafini Binti Abd Rahman¹

Noor Syahida bt Abdul Rahman²

Nur Zulfah bt Md Abdul Salam³

Norhayati Abd Ghani⁴

Hasliza Talib⁵

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Wasiat wajibah adalah pemberian harta pusaka yang diperuntukkan oleh undang-undang kepada cucu yang yatim yang didinding oleh individu tertentu. Terdapat beberapa Negara Islam seperti Mesir, Syria, Tunisia dan Malaysia khususnya Negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Negeri Melaka yang memperuntukkan undang-undang bertulis berkaitan dengan wasiat wajibah dalam undang-undang mereka. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji berkaitan dengan konsep wasiat wajibah serta pelaksanaannya di dalam sistem perundangan di Malaysia. Metod kajian ini merujuk kepada kajian perpustakaan dengan merujuk kepada kitab-kitab mu‘tabar dalam pelbagai madhhab yang merupakan maklumat utama, disamping merujuk kepada bahan-bahan bertulis yang lain seperti makalah-makalah dan statut tertentu yang berkaitan dengan kajian ini. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan dan persamaan berkaitan pemakaian undang-undang wasiat wajibah di beberapa negeri di Malaysia khususnya dalam menentukan ashab wasiat wajibah, syarat-syaratnya serta kadar yang sepatutnya diterima..

Kata Kunci: Wasiat wajibah, Pusaka, Harta

PENDAHULUAN

Wasiat wajibah mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan pembahagian harta pusaka. Ia merupakan pemberian harta pusaka kepada cucu yang kematian ibu atau bapa sebelum kematian datuk atau nenek. Di Malaysia, perkara berkaitan wasiat wajibah merupakan suatu yang agak baru. Oleh kerana hal ehwal berkaitan dengan wasiat dan pusaka orang Islam merupakan perkara Negeri (Senarai II) sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan melalui Jadual ke-9, maka setiap negeri berbidang kuasa membuat undang-undang berhubung dengan perkara tersebut.

Wasiat wajibah mula diperkatakan secara meluas setelah Negeri Selangor memasukkan satu peruntukan khusus yang berkaitan dengan wasiat wajibah dalam Seksyen 27

¹ Pensyarah Jabatan Kefahaman dan pemikiran Islam,PPT, KUIS nurulsyafini@kuis.edu.my

²Pensyarah Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS nurulsyahida@kuis.edu.my

³Pensyarah Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS nurzulfah@kuis.edu.my

⁴Pensyarah Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS Nurhayati.ag@kuis.edu.my

⁵Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajaran Teras, KUIS haslizatalib@kuis.edu.my

Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999. Kemudian peruntukan yang hampir sama juga diperuntukkan dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005. Setakat ini hanya tiga negeri ini sahaja yang memperuntukkan secara khusus berhubung dengan wasiat wajibah dalam enakmen masing-masing.

Berdasarkan kepada ketiga-tiga enakmen tersebut (Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka), maksud wasiat wajibah tidak diberikan, tetapi boleh difahamkan sebagai satu wasiat yang wajib diberikan melalui kuasa undang-undang⁶. Ini bermakna sekiranya seseorang waris tersebut tidak membuat wasiat, maka undang-undang atau hakim akan membuat satu wasiat bagi pihaknya.

WASIAT WAJIBAH

Wasiat wajibah adalah satu wasiat yang diwujudkan di bawah peruntukan undang-undang bertulis mengenai wasiat. Wasiat wajibah tidak diterima di kalangan jumhur termasuklah imam madhab yang empat kerana wasiat untuk kaum kerabat adalah sunat hukumnya dan tidak diwajibkan untuk orang tertentu kecuali jika berkaitan dengan hak-hak Allah dan hak-hak manusia. Sebaliknya sebahagian fuqaha` seperti Ibn Hazm al-Zahiri, al-Tabari dan Abu Bakar `Abd al-`Aziz daripada golongan Hanbali, mereka berpendapat bahawa wasiat adalah wajib dari segi agama dan *qada`* untuk kedua ibu bapa dan kaum kerabat yang tidak boleh menerima harta pusaka atas alasan mereka terdinding atau adanya halangan tertentu seperti berlainan agama dan seumpamanya. Apabila si mati tidak meninggalkan wasiat kepada kaum kerabat, maka berkewajipan kepada waris-waris atau *wasi* mengeluarkan satu kadar tertentu dari harta si mati untuk waris-waris yang tidak mendapat harta pusaka. Pendapat kedua ini telah dilaksanakan dalam Qanun *Wasiyyah* di Mesir 1946, Undang-Undang Keluarga Islam Syria 1953 dan beberapa negara yang lain termasuklah Negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka.

Seksyen 27(1) Enakmen Wasiat Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka telah memperuntukkan mengenai wasiat wajibah seperti berikut:

“Jika seseorang mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada cucunya daripada anak lelakinya yang telah mati terlebih dahulu daripadanya atau mati serentak dengannya, maka cucunya itu hendaklah berhak terhadap 1/3 wasiat dan sekiranya cucu itu diberi dengan kadar yang kurang daripada 1/3, haknya hendaklah disempurnakan mengikut kadar wasiat wajibah yang diperuntukkan di bawah seksyen ini.”

Peruntukan seksyen 27(1) di atas memerlukan kepada satu penyeragaman dari segi penerima wasiat wajibah, kadar 1/3 dan cara pengiraannya, tempoh masa tuntutan, orang yang berhak menuntut dan sebagainya. Penerima wasiat wajibah sepatutnya diperluaskan bukan sahaja kepada cucu daripada anak lelaki, tetapi cucu daripada anak perempuan yang terdiri daripada waris *dhawi al-arham*⁷.

⁶ Seksyen 27 Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999, Seksyen 27 Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004, Seksyen 27 Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005.

⁷ *ibid*, hlm. 24.

PERUNTUKAN WASIAT WAJIBAH DI MALAYSIA

Usaha ke arah pembentukan undang-undang secara terperinci sepertimana yang telah dilakukan disesetengah Negara Islam di Timur Tengah telah berjaya dilaksanakan di negeri Selangor. Selangor bolehlah dikatakan sebagai negeri pertama yang memperuntukkan satu peruntukan khusus yang berkaitan dengan wasiat wajibah di dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 (No.4, 1999). Enakmen ini mula mendapat pekenan Diraja pada 15 September 1999 dan disiarkan di dalam warta pada 30 September 1999. Kemudian ia mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2004. Selepas itu, peruntukan berkaitan wasiat wajibah sebagaimana yang diperuntukkan di Selangor telah diikuti oleh Negeri Sembilan di dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 (No.5, 2004) dan Melaka di dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005 (No.4, 2005).

Berdasarkan kepada ketiga-tiga enakmen tersebut, maksud wasiat wajibah tidak diberikan, tetapi ianya boleh difahami sebagai satu wasiat yang wajib diberikan melalui kuasa undang-undang. Ini bermakna sekiranya seseorang waris tersebut tidak membuat wasiat, maka undang-undang atau hakim akan membuat satu wasiat bagi pihaknya.

I. *Ashab* Wasiat Wajibah

Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999, Negeri Sembilan 2004 dan Melaka 2005 telah memperuntukkan bahawa wasiat wajibah hanya berhak kepada cucu si mati (sama ada lelaki atau perempuan) dari anak lelaki sahaja yang telah mati terlebih dahulu daripada orang tuanya atau mereka kesemuanya mati serentak yang tidak dapat dipastikan siapakah antara mereka yang terlebih dahulu meninggal dunia. Perkara berikut dapat dilihat dalam Seksyen 27(1) dan 27(2) Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) yang memperuntukkan bahawa⁸:

“(1) Jika seseorang mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada cucunya daripada anak lelakinya yang telah mati terlebih dahulu daripadanya atau mati serentak denganannya, maka cucunya itu hendaklah berhak terhadap 1/3 wasiat dan sekiranya cucu itu diberi dengan kadar yang kurang daripada 1/3, haknya hendaklah disempurnakan mengikut kadar wasiat wajibah yang diperuntukkan di bawah seksyen ini.”

“(2) Kadar wasiat wajibah untuk kanak-kanak yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah setakat kadar di mana ayahnya berhak daripada harta pusaka datuknya sekiranya diandaikan ayahnya itu mati selepas kematian datuknya:

Dengan syarat wasiat itu tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka si mati.”

Berdasarkan peruntukan tersebut, dengan jelas menyatakan bahawa wasiat wajibah hanya dihadkan kepada peringkat cucu (sama ada lelaki atau perempuan) dari anak lelaki sahaja, dan tidak berlaku dengan lebih luas lagi hingga kepada keturunan yang lebih rendah di sebelah bapa. Selain itu dapat difahamkan daripada seksyen tersebut bahawa anak kepada anak perempuan tidak berhak mendapat wasiat wajibah. Penafian terhadap golongan

⁸ Peruntukan yang hampir sama juga terdapat di dalam Seksyen 27(1), Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 dan Seksyen 27(1), Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005.

tersebut mungkin kerana cucu tersebut dianggap sebagai *dhawi al-arham* yang tidak berhak mendapat pusaka selagi si mati meninggalkan waris *ashab furud* dan *asabah*.

Selain itu, persoalan yang mungkin timbul ialah bagaimana sekiranya *usul* (ibu atau bapa) kepada *ashab* wasiat wajibah merupakan seseorang yang terhalang daripada mendapat harta pusaka disebabkan dia seorang pembunuh, hamba atau berlainan agama. Dalam hal ini, *ashab* wasiat wajibah tidak berhak mendapat wasiat wajibah kerana dia dianggap sebagai ganti tempat *usulnya*⁹. Walau bagaimanapun, sebahagian ‘ulama` berpendapat bahawa *ashab* wasiat wajibah masih berhak mendapat wasiat wajibah kerana tujuan ia diqanunkan untuk menangani masalah kerabat yang tidak dapat mewarisi harta pusaka kerana dihijab atau *usulnya* ditegah daripada mewarisi¹⁰.

Dalam permasalahan lain pula, iaitu jika *usul* yang mati lebih awal dari ibu bapanya itu tidak berhak mendapat pusaka tetapi dia meninggalkan *furu*^c (anak) yang berlainan agama dengannya dan dengan si mati (datuk atau nenek), maka dalam permasalahan ini terdapat dua pendapat iaitu¹¹:

- i. *Furu*^c tersebut berhak mendapat wasiat wajibah kerana undang-undang tidak menetapkan syarat satu agama dan layak menerima pusaka sebagai asas untuk mendapatkan wasiat tersebut. Ini kerana berlainan agama tidak menghalang sahnya sesuatu wasiat dan tidak menghalang wajibnya wasiat bagi golongan yang berpendapat wajibnya wasiat kepada kerabat yang tidak mendapat pusaka.
- ii. *Furu*^c tersebut tidak berhak mendapat wasiat. Ini dapat dilihat dalam peruntukan tersebut yang hanya mengkhususkan kepada cucu-cucu sahaja sebagai ganti kepada apa yang telah luput dari harta pusaka yang patut diperolehi oleh ibu bapanya, dan sebagai ganti cucu-cucu tersebut diberi atas nama wasiat wajibah atau wasiat qanun. Oleh itu tujuan peruntukan itu dibuat adalah sebagai satu gantian. Jika diandaikan bahawa *usul* tersebut masih hidup ketika kematian ibu bapanya seterusnya dia mewarisi harta si mati, kemudian *usul* tersebut mati dengan meninggalkan *furu*^c yang berlainan agama dengannya, maka dalam keadaan ini, *furu*^cnya itu tidak layak menerima pusakanya. Di atas alasan inilah, menurut pendapat kedua ini, *furu*^c yang berlainan agama dengan *usulnya* tidak berhak mendapat wasiat.

Walau bagaimanapun, segala pertikaian berhubung syarat-syarat untuk melayakkkan seseorang itu diklasifikasikan sebagai *ashab* wasiat wajibah hendaklah dibawa ke mahkamah untuk menentukan kedudukan cucu-cucu tersebut seterusnya memutuskan adakah mereka berhak mendapat wasiat wajibah atau sebaliknya. Selain itu adalah perlu bagi ahli perundangan menjelaskan permasalahan di atas bagi merungkaikan segala kekusutan dan menangani pertikaian yang dikhuatiri akan berlaku¹².

⁹ Abu Zahrah, Muhammad, hlm.219.

¹⁰ Hisham Qublan, *al-Wasiyyah al-Wajibah fi al-Islam*, 1985, Beirut, Manshurat Bahr al-Mutawassit, hlm. 58.

¹¹ Shalabi, Muhammad Mustafa, *Ahkam al-Mawarith Bayn al-Fiqh wa al-Qanun*, 1976, al-Iskandariyyah, al-Maktabah al-Misr al-Hadithah, hlm. 384.

¹² ibid, hlm. 384.

Jika diteliti kepada peruntukan Seksyen 27(1) Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999¹³ menyatakan *ashab* wasiat wajibah ialah cucu daripada anak lelakinya, kemudian seksyen 27(2) dan (3) menyatakan kanak-kanak¹⁴. Sekiranya Seksyen 27(2) dan 27(3) mentaksiskan perkataan cucu pada Seksyen 27(1) maka mereka yang berhak mendapat wasiat wajibah adalah cucu daripada anak lelaki (yang telah mati) yang berusia 18 tahun ke bawah sahaja. Contohnya seorang mati meninggalkan 3 orang anak lelaki, 2 orang anak perempuan, isteri dan 2 orang anak lelaki dari anak lelaki (cucu lelaki). Seorang cucu tersebut berusia 25 tahun dan seorang lagi 15 tahun semasa kematian datuk mereka, maka yang berhak mendapat wasiat wajibah hanyalah cucu yang berusia 15 tahun sahaja sedangkan mereka berdua mempunyai bapa yang sama. Keadaan ini nampaknya kurang adil dengan kehendak wasiat wajibah kerana cucu-cucu berkenaan akan mengambil bahagian bapanya jika dia masih hidup dengan syarat tidak melebihi 1/3. Oleh itu peruntukan berkenaan perlu diteliti dan diperhalusi lagi. Keadaan ini tidak berlaku pada Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 dan (Melaka) 2005 yang memperuntukkan¹⁵:

“(2) Kadar wasiat wajibah cucu hendaklah setakat kadar bahagian ayahnya dalam harta pusaka datuknya yang mati, dengan andaian bahawa ayahnya itu mati selepas kematian datuknya:

Dengan syarat bahawa wasiat itu tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka si mati.

“(3) Cucu itu tidak berhak kepada bekues jika dia telah mewarisi daripada datuk atau neneknya, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau jika datuk atau neneknya semasa hayatnya dan tanpa menerima apa-apa balasan, telah membuat wasiat kepada mereka atau telah memberi mereka harta yang bersamaan dengan apa yang mereka berhak untuk menerima menurut wasiat wajibah:

Dengan syarat bahawa jika wasiat itu kurang daripada apa yang dia sepatutnya berhak menerima, haknya hendaklah ditambah sewajarnya dan jika wasiat itu melebihi apa yang dia sepatutnya berhak menerima, bahagian yang lebih itu hendaklah menjadi wasiat sukarela yang tertakluk kepada persetujuan waris-waris.

¹³ Lihat peruntukan tersebut dalam hlm.85.

¹⁴ (2) Kadar wasiat wajibah untuk kanak-kanak yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah setakat kadar di mana ayahnya berhak daripada harta pusaka datuknya sekiranya diandaikan ayahnya itu mati selepas kematian datuknya:

Dengan syarat wasiat itu tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka simati. (3) Kanak-kanak tersebut hendaklah tidak berhak kepada wasiat sekiranya dia telah mewarisi daripada datuk atau neneknya, mengikut mana berkenaan, atau datuk atau neneknya semasa hayatnya, dan tanpa menerima apa-apa balasan, telah membuat wasiat kepada mereka atau telah memberi kepada mereka harta yang bersamaan dengan apa yang mereka sepatutnya menerima menurut wasiat wajibah:

Dengan syarat sekiranya wasiat yang dibuat oleh datuk atau nenek itu kurang daripada bahagian yang sepatutnya dia berhak, haknya hendaklah ditambah sewajarnya dan jika bahagian tersebut adalah melebihi bahagian yang dia berhak, bahagian yang lebih itu hendaklah menjadi wasiat sukarela dengan tertakluk kepada persetujuan waris.

¹⁵ Mohd Zamro Muda, Mohd Syukri Jusoh, *Pendekatan Pengiraan dan Penyelesaian Kes-Kes Wasiat Wajibah, Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Waqaf*, 2008, hlm.143.

II. Kadar Bahagian Wasiat Wajibah

Dalam menentukan kadar atau bahagian yang perlu diberikan kepada *ashab* wasiat wajibah, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999, (Negeri Sembilan) 2004 dan (Negeri Melaka) 2005 menetapkan bahawa kadar tersebut hendaklah setakat apa yang diterima oleh bapa kepada kanak-kanak tersebut (cucu si mati) daripada harta pusaka datuknya dengan diandaikan bapa itu masih hidup selepas kematian datuk atau neneknya dan kadar tersebut hendaklah dalam batasan 1/3 daripada harta pusaka si mati. Perkara tersebut dapat dilihat dalam Seksyen 27(2), Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999¹⁶.

Berdasarkan kepada peruntukan tersebut, jelaslah bahawa kadar atau bahagian yang perlu diberi kepada cucu ialah sebanyak yang diterima oleh bapanya jika dia masih hidup setelah kematian datuk atau neneknya, dan bahagian itu tidak boleh melebihi 1/3 daripada harta pusaka si mati.

Sekiranya semasa hidupnya, datuk itu telah memberi harta sama ada secara wasiat atau pemberian secara percuma kepada cucu tersebut dengan kadar yang kurang dari yang berhak diterima oleh cucu tersebut melalui wasiat wajibah, maka undang-undang atau hakim hendaklah menyempurnakan kadar yang kurang itu berdasarkan peruntukan wasiat wajibah.

III. Syarat Wasiat Wajibah

Sebagaimana undang-undang negara-negara Islam yang lain, Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka juga telah menetapkan beberapa syarat bagi penerima wasiat wajibah. Antara syarat-syaratnya adalah seperti berikut:

- i. Cucu terbabit bukanlah terdiri daripada waris yang berhak mendapat pusaka si mati sama ada sedikit atau banyak, atau dengan kata lain cucu tersebut mestilah dihalang atau didinding oleh ibu atau bapa saudaranya daripada menerima harta pusaka.
- ii. Si mati hendaklah tidak memberikan kepada cucunya yang berhak itu sesuatu dari hartanya yang menyamai nilai kadar wasiat wajibah tanpa menerima apa-apa balasan daripada cucu tersebut.
- iii. Si mati tidak berwasiat kepada cucunya itu dengan kadar yang sepatutnya diterima melalui wasiat wajibah.

Namun sekiranya pemberian atau wasiat tersebut kurang daripada jumlah yang sepatutnya diterima oleh cucu itu, maka bahagian yang kurang itu perlulah dicukupkan melalui wasiat wajibah. Dan sekiranya pemberian atau wasiat tersebut melebihi dari bahagian yang dia berhak, maka bahagian yang lebih itu akan menjadi wasiat sukarela atau *ikhtiariyyah* yang bergantung kepada persetujuan waris-waris si mati yang lain.

¹⁶ Peruntukan yang hampir sama terdapat dalam Seksyen 27(2), Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005. Lihat peruntukan tersebut dalam halaman 87.

Syarat-syarat di atas dapat dilihat dalam Seksyen 27(3), Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999¹⁷.

“ Kanak-kanak tersebut hendaklah tidak berhak kepada wasiat sekiranya dia telah mewarisi daripada datuk atau neneknya, mengikut mana berkenaan, atau datuk atau neneknya semasa hayatnya dan tanpa menerima apa-apa balasan, telah membuat wasiat kepada mereka atau telah memberi kepada mereka harta yang bersamaan dengan apa yang mereka sepatutnya menerima menurut wasiat wajibah:

Dengan syarat sekiranya wasiat yang dibuat oleh datuk atau neneknya itu kurang daripada bahagian yang sepatutnya dia berhak, haknya hendaklah ditambah sewajarnya dan jika bahagian tersebut melebihi bahagian yang dia berhak, bahagian yang lebih itu hendaklah menjadi wasiat sukarela dengan tertakluk kepada persetujuan waris.”

Peruntukan ini bermakna sekiranya cucu tersebut berhak ke atas harta datuknya sebagai waris, atau mereka sudah mendapat bahagiannya semasa hayat datuk atau neneknya, atau sudah terdapat wasiat untuk mereka dalam jumlah yang sepatutnya, maka mereka tidak berhak lagi untuk menerima wasiat wajibah.

Akhirnya Enakmen Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka tidak memperuntukkan apakah yang berlaku sekiranya terdapat wasiat *ikhtiariyyah* dalam masalah wasiat wajibah. Mengikut undang-undang di Negara Arab, jika terdapat dua wasiat sebegini, maka semasa agihan hendaklah diutamakan wasiat wajibah. Ini bermakna penerima wasiat *ikhtiariyyah* berkemungkinan tidak mendapat bahagian wasiat sekiranya bahagian wasiat wajibah tersebut melebihi kadar 1/3 harta kerana kadar yang dibenarkan dalam konteks wasiat adalah dalam batasan 1/3 harta sahaja.

FATWA BERKAITAN WASIAT WAJIBAH DI MALAYSIA

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-83 yang bersidang pada 22 - 24 Oktober 2008 telah membincangkan mengenai Hukum Pelaksanaan Wasiat Wajibah¹⁸. Muzakarah menegaskan bahawa Islam amat menitikberatkan kebijakan dan kesempurnaan hidup umatnya, terutama anak-anak yang kehilangan ahli keluarga mereka. Oleh itu, Muzakarah berpandangan bahawa dalam melaksanakan wasiat wajibah adalah harus mengambil pandangan yang menyatakan bahawa berwasiat kepada ahli-ahli waris (seperti cucu) yang tidak mendapat pusaka disebabkan halangan-halangan tertentu adalah merupakan suatu kewajipan yang perlu dilaksanakan.

Oleh yang demikian, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa dalam kes di mana seorang anak yang bapa atau ibunya mati terlebih dahulu daripada datuk atau neneknya, anak tersebut iaitu cucu berhak untuk menerima wasiat wajibah dengan mengambil bahagian faraid bapa atau ibunya pada kadar tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka datuk atau nenek. Sekiranya bahagian ibu atau bapa adalah 1/3 atau kurang daripada 1/3, maka pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut. Sekiranya bahagian tersebut melebihi 1/3 maka hendaklah dikurangkan pada kadar tidak melebihi 1/3.

¹⁷ Peruntukan yang hampir sama terdapat dalam Seksyen 27(3), Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005.

¹⁸ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-pelaksanaan-wasiat-wajibah>

Pelaksanaan wasiat wajibah adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- i. Anak lelaki dan perempuan daripada anak lelaki dan anak perempuan (cucu) ke bawah adalah layak untuk menerima wasiat wajibah.
- ii. Hendaklah kedua ibu atau bapa mereka meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau nenek atau ibu atau bapa meninggal dunia serentak dengan datuk atau nenek dalam kejadian yang sama atau berlainan.
- iii. Cucu lelaki dan perempuan bukan merupakan waris kepada harta pusaka datuk. Sekiranya mereka merupakan waris ke atas harta pusaka secara fard atau *ta'sib*, maka mereka tidak layak untuk mendapat wasiat wajibah walaupun bahagiannya sedikit berbanding wasiat wajibah.
- iv. Sekiranya anak lelaki atau anak perempuan berlainan agama dengan ibu atau bapa atau terlibat dengan pembunuhan ibu atau bapa, maka dia tidak berhak untuk mendapat wasiat wajibah daripada harta pusaka datuk.
- v. Sekiranya datuk atau nenek telah memberikan harta kepada cucu melalui hibah, wakaf, wasiat dan sebagainya dengan kadar yang sepatutnya diterima oleh anak lelaki atau anak perempuan mereka sekiranya mereka masih hidup, cucu tidak lagi berhak untuk mendapat wasiat wajibah. Sekiranya pemberian tersebut adalah kurang daripada hak yang sepatutnya diterima oleh cucu daripada bahagian anak lelaki atau anak perempuan. Maka hendaklah disempurnakan bahagian tersebut.
- vi. Anak akan mengambil bahagian faraid bapa atau ibu yang meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau nenek dan kadar tersebut hendaklah tidak melebihi kadar $\frac{1}{3}$ daripada nilai harta pusaka. Sekiranya bahagian tersebut adalah $\frac{1}{3}$ atau kurang daripada $\frac{1}{3}$, maka pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut. Sekiranya bahagian tersebut melebihi $\frac{1}{3}$ maka hendaklah dikurangkan pada kadar $\frac{1}{3}$ melainkan setelah mendapat persetujuan ahli-ahli waris yang lain.
- vii. Pembahagian wasiat wajibah boleh dilaksanakan setelah didahului urusan berkaitan mayat, wasiat *ikhtiyariyyah* dan hutang piutang.
- viii. Pembahagian wasiat wajibah kepada cucu-cucu yang berhak adalah berdasarkan kepada prinsip faraid iaitu seorang lelaki menerima bahagian 2 orang perempuan.

KESIMPULAN

Berdasarkan penjelasan yang telah diutarakan, jelaslah bahawa wasiat bukan sahaja dapat membangunkan jiwa individu muslim itu untuk melaksanakan amalan yang baik, malah secara tidak langsung ia dapat menjana pembangunan ekonomi individu muslim kerana untuk berwasiat memerlukan usaha yang gigih untuk mendapatkan harta yang halal melalui usaha yang direhdai Allah s.w.t.

Sejajar dengan itu, terdapat pelbagai jenis wasiat yang merupakan satu bentuk pengurusan harta yang dapat menjamin keharmonian perhubungan dan memperteguhkan ikatan sillaturrahim sesama ahli keluarga dan sekaligus menepati maksud yang dikehendaki oleh

Allah s.w.t yang secara jelas telah mengiktiraf amalan berwasiat itu sebagai satu amalan orang-orang yang bertaqwa.

Di samping itu, wasiat merupakan pemberian seseorang yang dikaitkan dengan kematiannya secara *iktiariyyah* menurut pendapat jumhur fuqaha` . Walau bagaimanapun, sebahagian fuqaha` berpendapat bahawa wasiat adalah wajib kepada kaum keluarga terdekat yang tidak mendapat bahagian pusaka. Oleh itu, maka timbulah istilah *wasiat wajibah* dalam undang-undang wasiat bagi melindungi hak mereka yang tidak mendapat harta pusaka.

Justeru, untuk menjamin hubungan kekeluargaan agar sentiasa tetap utuh, maka ahli-ahli perundangan Islam dalam beberapa negara Islam termasuk Malaysia telah menggubal satu peruntukan yang dinamakan sebagai undang-undang wasiat wajibah. Peruntukan itu berdasarkan kepada fenomena-fenomena yang biasa berlaku dalam masyarakat Islam dan perlaksanaannya adalah lebih bersifat *siasah shar'iyyah* dan *maslahah ammah*.

RUJUKAN

Al-Quran

Abu Zahrah, Muhammad, 1409H/1988M. *Syarah Qanun al-Wasiyyah*. Kaherah:Dar Fikr.

Enakmen Mahkamah Syari'ah Negeri Sabah 2004.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 .

Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005.

Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004.

Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999,

Hisham Qublan, *al-Wasiyyah al-Wajibah fi al-Islam*, 1985, Beirut, Manshurat Bahr al-Mutawassit.

Mohd Zamro Muda, Mohd Syukri Jusoh, *Pendekatan Pengiraan dan Penyelesaian Kes-Kes Wasiat Wajibah, Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Waqaf*.

Shalabi, Muhammad Mustafa, *Ahkam al-Mawarith Bayn al-Fiqh wa al-Qanun*, 1976, al-Iskandariyyah, al-Maktabah al-Misr al-Hadithah.

<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-pelaksanaan-wasiat-wajibah>

